



## 108<sup>7</sup> ANALISIS AYAT-AYAT AL-SYIFA' DALAM AL-QURAN SEBAGAI ADWIYAH ILAHIYYAH

Mohd Zaki Bin Ahmad  
[zakiahmad@kuis.edu.my](mailto:zakiahmad@kuis.edu.my)

Jabatan Pengajian Bahasa Dan Linguistik Arab, FPPI, KUIS

### ABSTRAK

Kajian ini mengemukakan analisis tentang implikasi makna ayat-ayat al-Quran digunakan sebagai adwiyah ilahiyyah dalam merawat pelbagai penyakit spiritual mahupun fizikal. Implikasi makna ini berusaha menjelaskan status adwiyah ilahiyyah berbanding dengan rawatan-rawatan lain dalam dunia perubatan. Analisis ini menyasarkan peninjauan bentuk-bentuk makna ayat-ayat al-Syifa' yang terkandung dalam al-Quran. Data dikumpul menggunakan pendekatan kualitatif. Data ini pula dianalisis berdasarkan metode analisis kandungan serta statistik deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa konsep al-syifa' dikesan melalui kata masdar dan mustaqatnya dalam al-Quran sebanyak enam (6) kali. Kata masdar didapati dalam ayat 82 surah al-Isra', ayat 44 surah Fussilat, ayat 57 surah Yunus, dan ayat 69 surah al-Nahl. Kata mustaqatnya pula didapati menerusi ayat 14 surah at-Taubah dan ayat 80 surah as-Syu'ara'. Berdasarkan analisis ayat-ayat al-syifa, kajian ini membuktikan bahawa sebanyak 75% adwiyah ilahiyyah atau ruqyah quraniyah menjadi penawar penyakit spiritual dan fizikal, manakala 25% selebihnya adalah daripada penggunaan madu atau ubatan berasaskan bumi termasuk harba, ubatan kimia (moden) dan ubat-ubatan lain-lain. Dapatkan kajian ini turut menegaskan bahawa konsep penyembuhan segala penyakit adalah milik Allah Yang Maha Penyembuh secara mutlak. Kajian ini menyimpulkan bahawa rawatan komplementari yang merangkumi unsur langit (adwiyah ilahiyyah) dan bumi dengan dilengkapi dengan kaedah-kaedah rawatan perubatan moden merupakan kaedah terapi yang efektif bagi segala penyakit.

**Kata Kunci:** ayat-ayat al-syifa', adwiyah ilahiyyah, terapi al-Quran, perubatan komplementari.

### PENGENALAN

Kini perkembangan ilmu perubatan dan pengubatan sangat menakjubkan. Pada masa yang sama teknologi kedoktoran atau perubatan moden telah pun muncul seiring dengan itu juga timbul pula pelbagai penyakit baru yang sebelum ini belum dikenali oleh masyarakat umum. Walaupun kecangihan teknologi cukup pesat berkembang dan membangun, namun begitu sehingga sekarang penyakit-penyakit bersifat kronik itu belum dapat diubati dan diselesaikan dengan berkesan khusus penyakit berkaitan spiritual. Implikasi itu kadang kala menjadikan masyarakat berputus asa untuk merawat, mencegah atau menghalang penyebarannya. Secara fitrahnya, penyakit dan semua masalah atau perkara yang dihidapi oleh manusia yang tidak diingini atau disenangi merupakan suatu ketentuan dan ketepatan Allah. Bahkan itu semua adalah suatu sunnatullah yang tersembunyi dengan penuh hikmat dan rahmat disebaliknya. Seseorang individu atau hamba Allah akan pasti diuji dan dicuba dengan sesuatu yang dia



senangi mahupun yang dibencinya. Hal ini berdasarkan firman Allah dalam suaroh al-Anbiya': 35.

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِعَةُ الْمَوْتِ وَتَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرٌ فِتْنَةٌ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ﴾

Terjemahan: “Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan yang sebenar-benarnya. Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.”

Salah satu bentuk ujian kepada manusia adalah penyakit. Penyakit ini meliputi pelbagai penyakit fizikal, emosi atau jiwa dan penyakit spiritual. Semua bentuk penyakit tersebut disarankan penyelesaiannya dengan penuh kesabaran, pengharapan, dan munajat kepada Allah melalui doa, zikir dan lain-lain untuk merawatnya. Al-Quran telah menjelaskan bahawa disebalik setiap penyakit itu ada kesembuhan. Setiap penyakit ada cara dan ubatnya. Salah satu cara mengubat penyakit dengan menggunakan al-Quran yang dikenali atau diistilahkan dengan perubatan ruqyah. Ruqyah adalah bacaan atau tiupan sebagai bentuk permohonan kepada Allah untuk memberikan kesembuhan dan kesihatan, baik bersumberkan dari al-quran mahupun doa-doa yang ma'thor daripada Nabi seperti yang dijelaskan dalam kitab *Ushul al-Iman fi dhau' al-Kitab wa al-Sunnah*. Ruqyah adalah suatu bentuk pengubatan dengan menggunakan kalimat-kalimat tertentu yang dimaksudkan untuk menyembuh suatu penyakit.

Pesakit seharusnya mencari infomasi, dosa atau kesalahan manakah yang menyebabkan musibah datang kepadanya, semoga dengan kembali kepada Allah, bertaubat dan bersungguh-sungguh kembali kepada Allah, pastilah Allah akan menghilangkan musibah atau bencana tersebut. Berubat merupakan satu sebab. Pengubatan atau proses rawatan adalah satu sebab. Ubat atau penawar juga adalah satu sebab. Semua itu adalah semata-mata ubat. Semua sebab itu tidak dapat memberi kesan apa pun melainkan dengan izin Allah sahaja. Justeru, Nabi SAW memberi galakkam agar berusaha mencari ubat apabila menimpa sakit atau ditimpa sesuatu penyakit. Nabi bersabda yang bermaksud:

“Setiap penyakit itu ada ubatnya. Jika ubat itu mengenai penyakit, maka ia akan sembuh dengan izin Allah ‘Azzawajala.’” (Muslim)

“Allah tidak menurunkan penyakit kecuali ada penawarnya, penawar itu adalah yang diketahui dan ada pula yang tidak diketahuinya.” (al-Hakim)

Hadis-hadis tersebut menjelaskan kedudukan sebab-sebab datangnya kesembuhan iaitu pertama mempunyai pengetahuan tentang sebab penyakit dan pengubatannya, keduanya mengetahui gejala-gejala penyakit dan ubatnya pula diberikan hendaklah betul dan tepat, ketiga kesembuhan diperoleh dengan keizinan daripada Allah SWT. Pesakit atau penderita sihir hendaklah menyakini bahawa yang memberi kesembuhan adalah Allah SWT, hendaklah bergantung kepada Allah semata-mata bukan berpaut dengan sebab-sebab kesembuhan. Bergantung hati selain kepada Allah atau kepada sebab-sebab sebagai penyembuh adalah syirik dan kufur. Perlu diingatkan bahawa penyebab kepada semua sebab itu adalah Allah SWT. Perkuatkan pengantungan hati kita kepada Allah, ini akan menjadikan sebab paling penting diperoleh kesembuhan dengan izin Allah ‘Azzawajalla’.

Al-Quran merupakan salah satu *adwiyah ilahiyyah* atau penawar berunsur langit yang sangat penting dan paling mujarab dalam ilmu perubatan Islam untuk menyelesaikan apa-apa permasalahan di alam buana ini. Ibnu Majah dalam sunannya (3501), Nabi SAW bersabda:



## خير الدواء القرآن

Terjemahannya: “Sebaik ubat adalah al-Quran”

Asy-Syahid Sayyid Qutb dalam Tafsir Fi Zilalil Quran (2000) mengatakan bahawa umat manusia yang diciptakan Allah ini tidak dapat dibuka pintu-pintu fitrahnya yang tertutup itu melainkan dengan anak-anak kunci dari ciptaan Allah juga, dan penyakit-penyakitnya tidak boleh diubati melainkan dengan penawar yang diciptakan oleh Allah SWT. Allah telah menyediakan di dalam sistem hidup yang diaturkan oleh-Nya itu anak-anak kunci untuk membuka segala pintu yang tertutup dan penawar untuk mengubati segala penyakit.

Al-Quran tidak pula menggunakan kata ‘*ilaj* atau rawatan. Sebaliknya al-Quran telah menggunakan ungkapan *syifa’*. Justeru, apakah rahsia-rahsia yang melatari kata *syifa’* ini sebagai memperlihatkan al-Quran sebuah kitab perubatan dalam merawat penyakit atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu, keluarga atau masyarakat.

Kajian ini mengemukakan analisis tentang implikasi makna ayat-ayat *al-Syifa’* yang menjelaskan penawar ke atas pelbagai penyakit spiritual mahupun fizikal. Implikasi makna ini berusaha menjelaskan status *adwiyah ilahiyyah* berbanding dengan ubat atau penawar dalam dunia perubatan. Analisis ini menyasarkan peninjauan bentuk-bentuk makna ayat-ayat *al-Syifa’* yang terkandung dalam al-Quran secara tuntas.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metod kajian kualitatif. Pendekatan kualitatif diguna pakai dalam kajian ini untuk mengumpul data primer melalui kajian kepustakaan, iaitu data yang diperoleh daripada sumber yang pertama daripada tafsir-tafsir mu’tabar. Selain itu, kajian ini juga melaporkan kekerapan peratusan ayat-ayat *al-Syifa’* yang disebut.

Kaedah analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi melihat implikasi intipati yang terdapat dalam ayat-ayat *al-Syifa’* yang dipetik dalam al-Quran. Sehubungan itu, penerapan kaedah analisis kandungan yang meliputi kitab-kitab tafsir ini adalah penting bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan mendalam terhadap apa-apa yang diteliti dan diinterpretasikan bagi memperoleh dapatan kajian yang boleh dipertanggungjawabkan.

Hasil kajian ini dapat mendedahkan kepada pembaca tentang al-Quran yang bukan sahaja berfungsi sebagai panduan jalan hidup dan memandu alam sejagat, malah membuktikan al-Quran juga berfungsi sebagai penawar kepada pelbagai penyakit yang dihadapi oleh manusia mahupun bukan manusia.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam penelitian yang dijalankan, al-Quran menyebut sebanyak enam kali yang dikenali sebagai ayat-ayat Syifa’ (آيات الشفاء). Perkataan *syifa’* dalam kamus “Al-Munjid” berakar kata daripada *syafiya*, *syifa’* bermakna kesembuhan daripada sesuatu penyakit atau Allah Taa’la menyembuhkan si fulan daripada penyakitnya. Ketika membuat tafsiran ayat-ayat Syifa’ khasnya ayat 82 Surah Al-Isra’, Al-Maraaghi (15:86) menyebut bahawa Qataadah berkata;



“Sesungguhnya Allah menjadikan al-Quran itu penyembuh penyakit dan rahmat bagi orang yang beriman.”

Membaca ayat-ayat Al-Quran tertentu sebagai ikhtiar penyembuhan kepada penyakit dengan penumpuan kepada kesakitannya adalah disepakati oleh para ‘ulama tentang keharusannya kerana jelas daripada ayat tadi yang menyebut ayat sebagai perantaraan untuk penyembuhan penyakit .

Dipaparkan di bawah ini ayat-ayat al-Syifa’ yang dikenal pasti dalam al-Quran seperti berikut:

#### Ayat Pertama:

﴿وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا﴾

Terjemahan: "Dan kami turunkan al-Quran yang padanya ada (ayat) penyembuh penyakit (fizikal) dan kerahmatan (kerohanian) bagi orang yang beriman." (*Al-Isra'*: 82)

#### Ayat Kedua:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ﴾

Terjemahan: “ Sesungguhnya telah datang kepadamu pengajaran daripada Tuhanmu dan penyembuh (penyakit) yang berada di dalam dada-dada manusia”. (*Yunus*: 57)

#### Ayat Ketiga:

﴿إِنَّمَا هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشَفَاءٌ﴾

Terjemahan: “ Katakanlah al-Quran itu adalah petunjuk dan penyembuh penyakit bagi orang yang beriman” (*Fussilat*: 44)

#### Ayat Keempat:

﴿يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهِ شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَوْلَاهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ﴾

Terjemahan: Keluar daripada perut lebah itu madu yang bermacam-macam warna, padanya terdapat kesembuhan bagi penyakit manusia” (*An-Nahli*: 69)

#### Ayat Kelima:

﴿وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ﴾

Terjemahan: “Dan apabila saya sakit dialah (Allah) yang menyembuhkannya.” (*As-Syuara'*: 80)



### Ayat Keenam:

﴿فَاتَّلُوْهُمْ يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيهِمْ وَبِخَرْجِهِمْ وَبِصُرُّهُمْ عَنْهُمْ وَيَسْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ﴾

Terjemahan: “ Dan disembuhkan (penyakit) di dalam dada-dada kaum yang beriman.” (At-Taubat: 14)

Diperhatikan bahawa perisytiharan Allah tentang al-Quran sebagai ubat/penawar ini adalah benar. Tidak boleh disangkal-sangkal lagi, tidak boleh ditolak-tolak lagi, kerana kebenarannya sudah jelas: Kebenaran yang mutlak. Jika Allah sudah mengatakan al-Quran itu ubat, maka ia adalah sebenar-benar ubat. Jika Allah sudah mengatakan al-Quran itu rahmat, maka ia adalah sebenar-benarnya rahmat. Maha benar perkataan Allah Yang Maha Agung. Sebagaimana firman Allah Ta’ala:

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ أَهْوَىٰ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

**Maksudnya:** Dan Tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya).

### Jadual 1.0: Taburan Ayat *al-Syifa'*, Jenis Adwiyyah Ilahiyyah Dan Kekerapan Yang Disebut Dalam al-Quran

	Ayat-Ayat Al-Syifa'	Jenis adwiyyah	Keterangan ringkas makna al-syifa'	Kekerapan
1	Surah al-Isra': 82	<i>dawa' samawiy</i> (ubat berunsur langit)	Al-Quran sebagai penyembuhan /penawar dan rahmat. Penyembuhan itu pula rahmat kepada orang-orang beriman.	25%
2	Surah Yunus: 57	<i>dawa' samawiy</i>	Al-Quran sebagai penawar penyakit fizikal dalam dada	25%
3	Fussilat: 44	<i>dawa' samawiy</i>	Al-Quran sebagai hidayah dan penawar penyakit	25%
4	Al-Nahl: 69	<i>dawa' ardhiy</i> (ubat berunsur bumi)	Madu lebah sebagai penawar penyakit	25%
5	Asy-Syu'ara': 80		Penyembuhan penyakit adalah milik Allah semata-mata.	
6	Taubah:14		Allah adalah penyembuh penyakit khusus untuk penyakit dalam dada atau emosi/sakit hati	

Di dalam al-Quran telah termaktub ayat-ayat al-Quran yang disifatkan sebagai ayat penawar/kesembuhan. Terdapat empat jenis surah iaitu surah al-Isra': 82, surah Yunus: 57, surah Fussilat: 44 dan surah al-Nahl: 69 yang disebut di dalamnya perkataan شفاء yang



bermaksud kesembuhan. Sebanyak 75% kekerapan yang disebutkan dalam al-Quran mewakili jenis adwiyyah *dawa' samawiy* iaitu ubat berunsur langit yang berlandaskan ayat-ayat al-Quran atau *Ruqyah Quraniyyah*. Ayat ini disebutkan dalam ayat 82 surah al-Isra', ayat 57 surah Yunus dan ayat 44 surah Fussilat. Manakala 25% kekerapan lagi adalah *dawa' ardhiy* iaitu ubat berunsur bumi seperti madu lebah, habatus sauda', minyak zaitun, herba, ubat-ubat klinikal dan sebagainya. Ayat penawar ini disebutkan dalam surah al-Nahl ayat 69. Perkataan شفاء yang disebutkan dalam surah ini adalah menggambarkan kesembuhan melalui unsur-unsur bumi sebagai wasilah penyembuhan. Apa yang dapat disimpulkan berdasarkan konteks empat ayat dalam surah-surah ini adalah, Allah mengaitkan kesembuhan kepada orang beriman menyamai dua kali kekerapan, manakala kesembuhan untuk manusia secara amnya juga menyamai dua kali kekerapan. Di sini kita melihat berlaku keseimbangan untuk merawat penyakit yang dihadapi manusia melalui *adwiyyah ilahiyyah* melalui pemahaman ayat-ayat *al-Syifa'*.

Bagi surah asy-Syu'ara' ayat 80 dan surah Taubah ayat 14, Allah menggunakan lafaz يشفى yang bermaksud Allah sebagai penyembuh. Penyembuhan penyakit adalah milik Allah semata-mata terutamanya penyakit yang berkaitan dengan masalah mental, jiwa dan emosi manusia.

Secara konklusinya, dapat dilihat bahawa terdapat 4 kata *masdar* yang membawa maksud kesembuhan dan 2 kata *mustaqat* yang membawa maksud menyembuh penyakit itu adalah Allah SWT.

### **Adwiyyah Ilahiyyah Berasaskan Unsur Langit (al-Quran) Dan Unsur Bumi (Madu)**

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak meletakkan penyakit, melainkan meletakkan untuknya ubat, kecuali satu penyakit, iaitu tua" (*Riwayat Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah*).

Berpandukan hadith di atas, jelas bahawa Rasulullah SAW menggalakkan umatnya berusaha mendapatkan ubat bagi menyembuhkan setiap penyakit. Walaupun ketika ini kita masih boleh mendapatkan ubat bagi pelbagai jenis penyakit, masih ada juga penyakit yang tidak dapat disembuhkan melalui ubat-ubatan ciptaan manusia. Dan sebanyak mana pun cabang ilmu perubatan yang ada, kita juga masih tidak mampu merawati semua penyakit. Ini jelas bahawa perubatan dari bumi sahaja tidak cukup. Ia perlu menggabungjalinkan perubatan langit dan perubatan bumi. Juga sabda baginda: "Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah." (*Riwayat Muslim*).

### **Konsep Perubatan Berunsur Langit Dan Berunsur Bumi**

Menurut Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam bukunya berjudul "Berubat dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit" (2011), Ibn Qayyim di dalam kitabnya ath-Thibb an-Nabawi (1992) telah mengulas hadits Nabi SAW:

عَلَيْكُمْ بِالشَّفَائِينَ : الْعَسْلَ وَالْقُرْءَانِ



**Terjemahan:** “Hendaklah kamu berubat dengan dua penyembuh: Madu dan al-Quran.”

Beliau berkata: “Hadith ini telah menghimpunkan kedua-dua sekali: perubatan manusia dan perubatan *ilahiyyah* ketuhanan, perubatan fizikal dan perubatan spiritual, atau perubatan bumi dan perubatan langit.”

Hal yang dimaksudkan dengan Perubatan Langit ialah “al-Quran”. Menurut Ibnu Qayyim dalam *Zad al-Ma’ad* (1995), “Al-Quran adalah ubat dan penyembuh yang paling sempurna bagi semua penyakit jiwa, tubuh badan dan malah meliputi penyakit-penyakit dunia dan akhirat.”

Sekiranya seseorang berubat dengan al-Quran dan madu, bermakna dia telah menghimpunkan dua ‘kekuatan’ sekaligus: “Kekuatan Langit dan Kekuatan Bumi”. Semuanya itu daripada Allah, dan adapun *Kalamullah* (al-Quran) itu tentunya ia lebih agung dan lebih kuat.

Kalau ubat daripada usaha manusia, dengan izin Allah boleh menyembuhkan penyakit, mengapa ubat (al-Quran) daripada Allah sendiri yang sudah terang-terang diperakuNya selaku ubat tidak dapat menyembuhkan? Kalau sesuatu kesembuhan itu berlaku kerana ‘kekuatan’ ubat, mengapakah kita harus lupa dengan kekuatan al-Quran? Bukankah Allah berfirman:

لَوْ أَنَزَلْنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ

**Maksudnya:** Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan ketakutannya kepada Allah.

Sedangkan gunung lagi terpecah-belah disebabkan kekuatan dan kehebatan serta mukjizat al-Quran, Bagaimana kalau ayat al-Quran kita meruqyah ke atas sesuatu penyakit? Jawapanya sudah pasti ia berkesan dengan izin Allah SWT, Yang Maha Menyembuhkan. *Insya’ Allah*. Al-Quran adalah kitab Allah yang paling sempurna, tidak ada kebatilan padanya. Ianya lengkap sempurna. Bahkan al-Quran panduan dan penawar bagi manusia.

Berkata Abu ‘Ubaid bin Thalhah bin Mushrif: “Apabila dibaca al-Quran kepada penyakit, nescaya didapati ringan penyakit itu.” Bahkan al-Quran bukan saja penyembuh, malahan juga pelindung, pendinding serta pemelihara. Rasulullah SAW juga mendinding diri Baginda dengan al-Quran supaya Allah memeliharanya daripada segala macam penyakit dan bencana, sebagaimana ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha meriwayatkan: “Bahawa Nabi SAW itu berada di tempat tidur pada tiap-tiap malam Baginda akan menghimpun kedua tapak tangan Baginda dan membaca (3 Qul), kemudian menghembus kedua tapak tangan Baginda dan selepas itu menyapu sesampainya ke seluruh badan, dimulai dengan kepala dan wajah Baginda. Perkara ini dilakukan sebanyak tiga kali.” Tidak dapat diragukan lagi, bahawa dengan berkat *kalamNya* yang mulia serta rahmatNya, Allah akan menyembuhkan apa saja penyakit, dengan hanya berfirman (جُنْ فَيَكُونُ) (Jadi, maka jadilah apa yang dikehendakiNya untuk terjadi).

Maka kalimat “جُنْ” adalah seagung-agung kalimat dalam al-Quran yang menjadi penentu kepada terjadinya sesuatu menurut kehendakNya.



Hal ini yang wajib kita yakini sesudah mengetahui al-Quran itu penyembuh, iaitu meyakini qudrat (kekuasaan Allah). Sebagai perbandingan tentang kekuatan ubat atau penyembuh dan hubungannya dengan keyakinan, ialah kisah Nabi Yusuf ‘Alaihissalam. Allah berfirman,

أَذْهِبُوا بِقَمِيصٍ هَذَا فَالْقُوْهُ عَلَى وَجْهِ أُبِي يَّاْتِ بَصِيرًا

**Maksudnya:** Pergilah kamu dengan membawa baju gamisku ini, lalu letakkanlah Dia kewajah ayahku, nanti ia akan melihat kembali. (Surah Yusuf:93)

Nabi Allah Ya’kub ialah ayahanda kepada Nabi Allah Yusuf ‘Alaihissalam. Baginda sampai buta disebabkan terlalu banyak menangis kerana kehilangan anakandanya, Nabi Allah Yusuf. Lihatlah, dengan kekuatan iman Nabi Yusuf terhadap kudrat dan iradat Allah akan menyembuhkan mata ayahandanya, maka diambilnya atau dipilihnya bajunya sebagai sebab (ubat) untuk merawat mata ayahandanya itu.

Jika dengan berkat baju Nabi Allah Yusuf, mata ayahandanya boleh sembah celik, mengapakah dengan al-Quran tidak? Apakah yang ada pada baju berbanding dengan al-Quran? Tidakkah al-Quran itu lebih agung, lebih hebat, lebih suci dan lebih kuat daripada baju Nabi Allah Yusuf? Al-Quran sebagai wahyu Allah, *Kalamullah*, adalah tidak sekali-kali pernah lapuk dan binasa, sedang baju Nabi Allah Yusuf lapuk dan binasa.

Jika حَبَّةُ السَّوَادِ (jintan hitam) yang dicipta oleh Allah untuk jadi makanan, dan sekaligus sebagai penyembuh bagi semua jenis penyakit, maka apakah lebih utama (أولى) dan patut, al-Quran sebagai Kalamullah menjadi penyembuh itu? Penyembuh kepada semua jenis penyakit zahir dan batin, yang nyata mahupun yang tersebuni.

Perubatan berunsur bumi pula merupakan perubatan yang menggunakan ubat-ubatan biasa, seperti ubat-ubatan yang dicipta atau dihasilkan oleh manusia yang terdiri daripada pelbagai benda atau bahan, seperti bahan-bahan tumbuhan atau lain-lain, sama ada ia masih asli ataupun telah diproses. Contoh bahan masih asli ialah seperti madu lebah yang belum lagi dicampur dengan benda lain, dan sementara yang diproses pula ialah sebarang bahan yang sudah diolah untuk dijadikan ubat. Semua orang, sama ada Muslim mahupun bukan Muslim menggunakan Perubatan Bumi. Perkara ini adalah lumrah dan malah menjadi kemestian. Kalau orang sakit kepala misalnya, dia akan terus cari Panadol. Orang berpenyakit kencing manis (*diabetes*) dirawat dengan *Hyprin @ Bovine Neutral* dan lain-lain. Sakit jantung (*Cardio-vascular/heart disease*) dirawat dengan antara lain *Propranolol Hydrochloride* dan lain-lain lagi jenis penyakit dan ubatnya masing-masing.

Begitulah sekian banyak penyakit, sebanyak itu pula ubatnya sudah tersedia. Di samping ubat yang diproses, seperti contohnya disebut di atas, juga terdapat bahan-bahan yang masih asli selaku ubat, seperti madu lebah, akar-akar kayu, air zam-zam dan lain-lain.

## Al-Quran Sebagai Penawar

Tafsir Fi Zilali al-Quran menjelaskan bahawa al-Quran itu mengandungi penawar dan rahmat kepada mereka yang mempunyai hati yang telah mencapai kemanisan iman. Hati-hati ini menjadi terang dan terbuka untuk menerima ketenangan, ketenteraman dan kedamaian yang



terkandung dalam al-Quran. Dalam al-Quran terdapat penawar yang menghapuskan perasaan was-was, resah gelisah dan perasaan tidak menentu. Al-Quran menghubungkan hati manusia dengan Allah dan dengan hubungan ini dia merasa tenang dan tenteram, merasa mendapat perlindungan dan keamanan, merasa puas dan redha, iaitu merasa puas dengan keredhaan dari Allah dan keredhaan terhadap kehidupannya. Kegelihan dan perasaan yang tidak menentu merupakan penyakit dan seterusnya perasaan was-was juga penyakit. Justeru itulah al-Quran menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Dalam al-Quran terdapat penawar yang dapat mengubati hawa nafsu, perasaan-perasaan yang kotor tamak haloba, hasad dengki dan bisikan-bisikan syaitan. Perasaan ini merupakan penyakit hati yang boleh menyebabkannya merana, lemah dan letih lesu. Ia membawa hati ke arah kehancuran, kemusnahan dan keruntuhan. Justeru itulah al-Quran menjadi rahmat kepada para Mu'minin.

Dalam al-Quran terdapat penawar yang dapat membetulkan arah-arah tujuan yang tidak betul di dalam perasaan dan pemikiran seseorang. Ia boleh melindungkan akal dari kesesatan dan membebaskannya bergiat cegas di dalam bidang-bidangnya yang mendatangkan faedah. Ia menahan akal dari membuang tenaganya dalam bidang-bidang kegiatan yang tidak berguna. Ia memandu akal dengan garis panduan sebuah sistem hidup yang sihat dan betul. Ia memelihara akal dari kesesatan dan kegelinciran. Dalam alam jasad juga al-Quran menjadikan akal menggunakan tenaga-tenaganya dalam bentuk yang sederhana tanpa tekanan dan penyelewengan agar tetap dalam keadaan yang sihat dan 'afiat.

Dalam al-Quran terdapat penawar yang dapat menyembuhkan penyakit-penyakit masyarakat yang melemahkan kekuatan perpaduan kelompak-kelompak masyarakat, menghapuskan kesejahteraan, keamanan dan ketenteramannya agar masyarakat hidup di bawah naungan sistemnya yang adil dan syumul dalam keadaan yang selamat, aman dan tenteram.

Tafsir al-Munir pula menegaskan bahawa segala sesuatu yang berasal dari al-Quran adalah ubat atau penawar bagi orang Mukminin. Dengan al-Quran, iman mereka semakin kuat dan dengannya mereka memperbaiki pengangan agama mereka. Kerana al-Quran membersihkan segala penyakit hati, seperti kerugian, kemunafikan, kesyirikan, kesesatan, kekafiran, kebodohan dan kesesatan.

Al-Quran menyembuhkan mereka dari semua itu. Al-Quran juga merupakan rahmat bagi orang yang beriman dengannya, membenarkan dan mengikutinya. Kerana ia membimbing kepada keimanan, hikmah, dan kebaikan sehingga membuatnya masuk surga dan selamat dari siksa. Ad-Dailami meriwayatkan di dalam Musnad al-Firdaus dari Nabi SAW:

من لم يستشف بالقرآن فلا شفاء له

“Barangsiapa tidak sembuh dengan bacaan al-Quran, maka Allah tidak dapat menyembuhkannya.

Pepatah mengatakan “mencegah dan memelihara daripada terkena penyakit adalah lebih baik daripada mengubati setelah sakit.” (Haron Din, 2019).



## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa ayat-ayat *al-Syifa'* dalam al-Quran terdapat kata *syifa'* bagi membuktikan al-Quran itu adalah penawar yang mujarab dan dijamin oleh Allah SWT. Ayat-ayat ini tidak pula menggunakan kata *al-'ilaj* yang bermaksud rawatan kerana ia belum tentu menjamin kesembuhan penyakit. Ajaran Islam menyuruh kita berusaha dan berikhtiar merawat dan mengubat penyakit spiritual maupun fizikal yang menggunakan ayat-ayat al-Quran yang merupakan salah satu *adwiyyah ilahiyyah* yang utama. Hal ini kerana disebalik usaha dan ikhtiar berdoa atau meruqyah itu sudah tentu terdapat *syifa'* atau kesembuhan dengan izin Allah sama ada segera atau dikemudiankan. Al-Quran mendidik manusia agar menjana keyakinan dan keimanan yang teguh dalam jiwa mereka bahawa janji kesembuhan daripada Allah SWT itu benar dan hak. Hal ini ditegaskan oleh Allah menerusi ayat 80 surah asy-Syu'ara' dan ayat 14 surah at-Taubah. Kata *yasyfi* dalam kedua-dua ayat tersebut yang bermaksud menyembuh itu adalah Allah Yang Maha Penyembuh bagi segala bentuk penyembuhan penyakit yang dihadapi oleh manusia. Dalam kata lain, kuasa penyembuh adalah milik Allah secara mutlak. Firman Allah dalam ayat 82 surah Yasin yang bermaksud: "Sesungguhnya urusan Allah apabila Dia menghendaki sesuatu Dia hanya berkata kepadaNya, "Jadilah" Maka jadilah sesuatu itu."

## RUJUKAN

Aziz, A. A. (2008). *Berubat Dengan Perubatan Bumi Dan Perubatan Langit*. Brunei: Ezi Printing Services.

Al-Zuhailiy, Wahbah (2005). *Al-Tafsir al-Munir*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Haron Din, (2019). *Pengantar Pengubatan Islam*. Bangi: Penerbitan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.

Ibnu Qayyim, (1995). *Zad al-Ma'ad Fi Huda khair al-'Ibad*. Bairut: Muassasah al-Risalah.

Ibnu Qayyim, (1992). *At-Tibb al-Nabawiyy*. Kaherah: Dar al-Manar.

Lebar, Othman. ( 2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Sultan Idris.

Qutb, Asy-Syahid Sayyid. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran(terjemahan Yusoff Zakiy Haji Yacob)*. Kota Bahru: Pustaka Aman Press .

Quhub, S. (1992). *Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.